



Tarikh peperiksaan bertembung tarikh PRN

Oleh [Irwan Shafrizan Ismail](#) - Julai 6, 2023 @ 6:46pm
bhnews@bh.com.my



Gambar hiasan NSTP

PUTRAJAYA: Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP) antara universiti awam (UA) yang terkesan susulan penetapan tarikh pengundian Pilihan Raya Negeri (PRN) pada 12 Ogos depan.

Berdasar semakan kalendar akademik UA, UUM terkesan dengan tarikh pengundian PRN berikutnya peperiksaan universiti itu yang bermula bulan ini hanya tamat pada 20 Ogos.

UIA akan memulakan pembukaan semester baharu pada 6 Ogos, manakala UMP akan mengadakan pengambilan baharu bagi pengajian peringkat diploma universiti itu dalam tempoh PRN.

Menurut sumber KPT, kebanyakan tempoh peperiksaan kebanyakan universiti tamat antara penghujung bulan ini dan minggu pertama Ogos.

"Antara UA yang akan menamatkan tempoh peperiksaan pada minggu pertama Ogos ialah Universiti Teknologi MARA (UiTM) pada 10 Ogos, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) masing-masing pada 6 Ogos, manakala Universiti Malaysia Sabah (4 Ogos dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) pada 3 Ogos.

"Hanya UUM yang akan menjalani peperiksaan sehingga 20 Ogos depan, manakala UMP dijangka memberi pelepasan pulang kepada penuntut untuk pulang mengundi.

"Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin juga sudah maklum mengenai pertindihan tarikh itu dan maklum balas akan diberikan segera," katanya.

Sementara itu Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UUM, Muhammad Izuan Faiz Abdul Rahman mencadangkan supaya pihak universiti meminda jadual peperiksaan bagi membolehkan penuntut yang mengundi di enam negeri itu untuk pulang mengundi.

"Saya cadangkan diawalkan jadual peperiksaan. Apa-apa keputusan yang nak diambil seperti nak beri cuti, nak anjak ke depan, keutamaannya ialah tak boleh jejaskan penuntut.

"Kita tak nak menghalang penuntut menuaikan tanggungjawab tapi dalam masa sama kita tak nak jejasakan fokus peperiksaan," katanya.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan 12 Ogos ini sebagai hari pengundian bagi PRN dan diadakan serentak di Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Kelantan serta Terengganu.

Sementara itu, tarikh penamaan calon dan pengundian awal masing-masing ditetapkan pada 29 Julai dan 8 Ogos.